

**Felda Pohon Dapatkan Perintah Penghakiman Ingkar Terhadap Setiausaha Agung
PKR
Bernama
18 April, 2013**

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) memohon mendapatkan perintah penghakiman ingkar terhadap Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Saifuddin Nasution Ismail kerana gagal memfailkan memorandum kehadirannya di mahkamah dalam satu kes saman fitnah.

Felda memfailkan permohonan itu pada 5 April lepas di Mahkamah Tinggi di sini dan menyerahkannya kepada Saifuddin tiga hari kemudian.

Peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun, yang mewakili Felda memberitahu media bahawa Hakim Lee Heng Cheong menetapkan 30 April ini untuk sebutan permohonan itu selepas kes itu disebut di kamarnya Khamis.

Beliau berkata mahkamah menetapkan tarikh itu bagi membolehkan Saifuddin, yang diwakili peguam S.H Tan, memfailkan afidavit balasan.

Pada 7 Jan lalu, Felda memfailkan saman fitnah terhadap Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) Mazlan Aliman, Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali dan lima lagi berhubung kenyataan penjualan minyak sawit mentah ke Israel.

Felda menamakan Mazlan dan Mustafa sebagai defendan pertama dan kedua manakala Ketua Pengarang Harakah Ahmad Lutfi Othman, Pengarang Harakah Taufek Yahya, penulis artikel Mohd Arif Atan, pencetak Harakah Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd serta Saifuddin, masing-masing sebagai defendan ketika hingga ketujuh.

Dalam pernyataan tuntutan, Felda mendakwa Mazlan telah memuat naik kata-kata fitnah di laman sosial facebook miliknya pada 19 Nov tahun lepas dan empat hari selepas itu (23 Nov), Mazlan pula mengeluarkan kata-kata fitnah dalam satu perhimpunan di hadapan pejabat Felda.

Felda mendakwa kenyataan fitnah yang dikeluarkan Mazlan diterbitkan semula oleh defendan kedua hingga keenam menerusi beberapa artikel dalam akhbar Harakah pada 26 hingga 29 Nov tahun lepas.

Menurutnya kenyataan fitnah itu menjejaskan reputasi Felda dan mendakwa kesemua defendan sengaja berbuat demikian untuk menghancurkan kepercayaan dan keyakinan rakyat demi meneruskan agenda tersendiri dan kepentingan peribadi.

Felda menuntut ganti rugi am, khas, teruk, teladan, faedah dan kos ke atas semua defendan.

Felda juga menuntut satu arahan injunksi bagi menghalang Mazlan dan ejennya berbicara atau menerbitkan kata-kata fitnah tersebut di internet atau media cetak.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943194>

